

MAHMUD FATHI ABDUL SAMAD

# MUSLIM PROFESIONAL

Bagaimana Menjana Profesionalisme  
Dan Kualiti Sebagai Pekerja Muslim



65  
H



To Tan Sri Dato' Sri  
Selamat kepada  
Koleksi buku-buku  
di  
Buku  
34/10/10



MAHMUD FATHI ABDUL SAMAD

# MUSLIM PROFESIONAL

Bagaimana Menjana Profesionalisme  
Dan Kualiti Sebagai Pekerja Muslim



NO.1  
R. HANGAT, '93

**PUSTAKA PERDANA**



1013581



## MUSLIM PROFESIONAL

@ Mahmud Fathi Abdus Somad, 2010

Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiarkan-terbitkan semua dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekali pun, termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit dan pemilik hakcipta.

Diterbitkan oleh:

PENERBITAN ILHAM BARU  
60-1, Jalan Telawi, Bangsar Baru,  
59100 Kuala Lumpur.  
Tel: 603-2284 1975  
Faks: 603-2283 5613  
Emel: ilhambaru1@gmail.com  
Bagi pihak IKDAS

Setting & Pereka Letak: Hafiz Shukur Inc.  
Pereka Kulit: Hafiz Shukur Inc.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mahmud Fathi Abdus Somad, 2010  
ISBN 978-967-5642-30-2

## MUSLIM PROFESIONAL

1. Etika Kerja Islam 2. Work in Islam 3. Dakwah I. Judul

Dicetak oleh:  
Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.  
Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16,  
40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Pemasaran: IKDAS Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Calisto MT  
Saiz Teks: 11/1300

297.65

# Kandungan

	MS
> KANDUNGAN	v
> KATA PENGANTAR	ix
> MUKADIMAH	xi
> OBJEKTIF SEBAGAI MUSLIM PROFESIONAL	xii
<b>BAB 1: DEFINISI KEPADA BUDAYA KERJA ISLAM</b>	<b>1</b>
1. Definisi kepada Pengertian Perkataan 'Pekerjaan'	1
2. Definisi kepada Pengertian 'Rezeki'	2
3. Definisi kepada 'Konsep Bekerja Dalam Islam'	3
4. Definisi kepada 'Konsep Bekerja Yang Profesional'	5
5. Definisi kepada 'Konsep Konsep Etika Kerja'	6
6. Definisi kepada 'Konsep Berkat'	7
7. Definisi kepada 'Konsep Hidup Dalam Islam'	8
8. Definisi kepada 'Konsep Harta Dalam Islam'	9
9. Definisi kepada 'Konsep Takdir Dalam Islam'	10
10. Definisi kepada 'Konsep Kualiti Dalam Bekerja'	12
<b>BAB 2: SEJARAH PEKERJAAN DALAM ISLAM</b>	<b>15</b>
1. Tauladan Dari Malaikat Dalam Bekerja	15
2. Tauladan Nabi Dan Rasul Dalam Bekerja	16
3. Tauladan Para Sahabat Nabi Dalam Bekerja	17
4. Tauladan Ulama Dari Ulama Islam Dalam Bekerja	17
5. Tauladan Dari Cendiakawan Islam Dalam Bekerja	18
6. Tauladan Dari Ahli Sufi Dalam Bekerja	19
7. Tauladan Dari Tokoh Muslimah Dalam Bekerja	20
8. Tauladan Dari Ulama Nusantara Dalam Bekerja	21
9. Tauladan Dari Tokoh Maal Hijrah Dalam Bekerja	22
10. Realiti Umat Islam Hari Ini Dalam Bekerja	23

<b>BAB 3: SUMBER MOTIVASI KERJA DARI AL QURAN</b>	<b>25</b>
1. Ayat sebelas dari surah an-Naba'	26
2. Ayat sepuluh dari surah al-A'raf	27
3. Ayat sepuluh dari surah al-Jumaah	28
4. Ayat ke lima belas dari surah al-Mulk	29
5. Ayat dua puluh dari surah al-Muzzammil	30
6. Ayat tujuh puluh tujuh dari surah al-Qasas	31
7. Ayat lapan puluh lapan dari surah Aa-Maidah	32
8. Ayat tujuh belas dari surah al-Ankabut	33
9. Ayat tiga puluh satu dari surah al-A'raf	34
10. Ayat ketiga puluh dua dari surah al-A'raf	35
<b>BAB 4: SUMBER MOTIVASI KERJA DARI AL HADITH</b>	<b>37</b>
1. Hadith al-Baihaqi	38
2. Hadith Ibnu Abas	38
3. Hadith Bukhari I	39
4. Hadith Ibnu Asakir	40
5. Hadith Aishah	41
6. Hadith al-Hakim	42
7. Hadith Bukhari II	43
8. Hadith Ibnu 'Amru bin al-'As	44
9. Hadith Muslim	45
10. Hadith Zubir bin al-Awwam	46
<b>BAB 5: MESTI BUAT UNTUK MEREALISASIKAN BUDAYA KERJA ISLAM</b>	<b>49</b>
1. Mestilah Berniat Kerana Allah	50
2. Mestilah Bermatlamatkan Majikan Kita Adalah Allah	51
3. Mestilah Berasaskan Budaya Kerja Islami	52
4. Mestilah Rajin Dan Bersungguh-sungguh	53
5. Mestilah Menepati Waktu	55
6. Mestilah Beriman Dan Bertaqwa	56
7. Mestilah Berdisiplin Dalam Beribadah	57
8. Mestilah Mempunyai Rasa Kekeluargaan	58
9. Mestilah Berilmu	59
10. Mestilah Sentiasa Bermuhasabah	60

<b>BAB 6: JANGAN BUAT SEMASA DALAM BEKERJA</b>	<b>63</b>
1. Jangan Menipu	64
2. Jangan Rasuah	65
3. Jangan Dengki Mendengki	66
4. Jangan Malas	67
5. Jangan Putus Asa	68
6. Jangan Zalim Menzalimi	69
7. Jangan Melakukan Maksiat	70
8. Jangan Mengumpat	72
9. Jangan Membazir	75
10. Jangan Mungkir Janji	76
<b>BAB 7: HENDAKLAH DIBUAT SEMASA BEKERJA</b>	<b>79</b>
1. Hendaklah Positif	79
2. Hendaklah Proaktif	80
3. Hendaklah Terurus	81
4. Hendaklah Cepak	82
5. Hendaklah Efisien	83
6. Hendaklah Berani	84
7. Hendaklah Bersatu-padu	85
8. Hendaklah Mengambil Berat (Prihatin)	86
9. Hendaklah Bekerjasama	87
10. Hendaklah Bersopan-santun	89
<b>BAB 8: ELOKLAH DIBUAT SEMASA BEKERJA</b>	<b>91</b>
1. Eloklah Segera Bertaubat	91
2. Eloklah Berperasaan Takutkan Allah	92
3. Eloklah Sentiasa Bertawakal	93
4. Eloklah Melazimi Zuhud	94
5. Eloklah Sentiasa Bersyukur	95
6. Eloklah Sabar	95
7. Eloklah Rindu dan Mencintai Allah	97
8. Eloklah Sentiasa Ingat Akan Mati	98
9. Eloklah Merasa Redha Pada Allah	99
10. Eloklah Melaksanakan Ihsan Dan Keadilan	100

<b>BAB 9: BERHATI-HATILAH SEMASA BEKERJA</b>	<b>103</b>
1. Berhati-hatilah Dalam Banyak Berkata-kata	103
2. Berhati-hatilah Dalam Banyak Makan	104
3. Berhati-hatilah Dalam Marah	104
4. Berhati-hatilah Dalam Bakhil	105
5. Berhati-hatilah Dalam Mencintai Pangkat	106
6. Berhati-hatilah Dalam Mencintai Dunia	107
7. Berhati-hatilah Dalam Takabur	108
8. Berhati-hatilah Dalam Ujub	109
9. Berhati-hatilah Dalam Riak	111
10. Berhati-hatilah Dalam Lalai	112
<b>BAB 10: AMALAN MURAH REZEKI DAN SENANG SEMASA BEKERJA</b>	<b>115</b>
1. Menyambung Silaturahmi	115
2. Mengerjakan Sembahyang Sunat	117
3. Bertaqwa Kepada Allah	118
4. Meninggalkan Maksiat	119
5. Membulatkan Pergantungan Pada Allah	120
6. Melazimkan Istighfar	121
7. Membanyakkan Zikir	123
8. Membanyakkan Berdoa	124
9. Membanyakkan Membaca Al-Quran	125
10. Menjaga Kebersihan	126
<b>PENUTUP</b>	<b>129</b>



# Kata Pengantar

**B**uku Muslim Profesional merupakan asas kepada semua amalan dan usaha manusia dalam mencari rezeki untuk menyara kehidupan dan berbakti kepada Allah S.W.T. Budaya Kerja Islam tidak sama dengan budaya kerja biasa yang hanya bermatlamatkan kekayaan dan kesenangan hidup semata-mata, seperti yang diamalkan oleh penganut faham sekularisme, materialisme dan hedonisme.

Sesungguhnya, budaya kerja Barat yang memang mementingkan kualiti dan profesionalisme belum tentu menepati konsep budaya kerja Islam, terutama disebabkan oleh matlamatnya yang semata-mata untuk mendapat kesenangan, kemewahan, kemegahan dan keseronokan dunia.

Tidak hairanlah kebanyakan pekerja dan majikan akan menggunakan apa sahaja cara untuk tujuan tersebut termasuk menggunakan kaedah Machiavelli 'matlamat menghalalkan cara'. Mereka akan melanggar etika kerja, peraturan dan undang-undang yang sepatutnya diikuti; berlaku tidak adil dengan cara menindas, rasuah dan melakukan penyelewengan; serta mengabaikan sama sekali tanggungjawab sosial kepada yang memerlukan, yang jika dilakukan pun adalah dengan matlamat keduniaan jua.

Pekerjaan seseorang itu akan hanya menepati budaya kerja Islam apabila ia melakukan sesuatu hanya mengharapkan balasan daripada Allah S.W.T., bukan sekadar untuk mencari nafkah untuk menyara diri

sendiri dan keluarga, untuk kesenangan, untuk disanjung-sanjung dan dipuji oleh manusia, mahupun untuk kepuasan diri sendiri. Apabila seseorang itu mengamalkan budaya kerja menurut Islam, dia akan menerima ganjaran daripada Allah S.W.T. dalam bentuk kesenangan dan keberkatan hidup. Oleh itu, supaya pekerjaan dan rezeki yang kita peroleh mendapat keberkatan daripada-Nya, kita hendaklah memahami dan menghayati budaya kerja Islam secara praktis dan konsisten.

Buku ini merupakan huraian terperinci tentang amalan budaya kerja menurut perspektif, lengkap dengan pengertian, keperluan dan langkah-langkah khusus yang patut dipraktikkan bagi memastikan kerja yang kita lakukan menepati konsep mencari rezeki yang halal dan berkat, serta menjadikan kerja yang kita lakukan setiap hari sebagai ibadah yang dituntut oleh ajaran Islam.

Tulisan dan huraian Ustaz Mahmud Fathi Abdus Somad tentang Muslim Profesional ini begitu mudah difahami kerana disusun mengikut subtopik dan huraian yang sistematik. Buku ini akan sesuai untuk bacaan umum, khususnya kakitangan kerajaan dan swasta yang mahukan pekerjaannya diredhai dan rezekinya diberkati oleh Allah S.W.T. Semoga pembaca akan mendapat manfaat daripada buku ini.



# Mukadimah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله , وبعد

**S**aya mulai buku Muslim Profesional ini dengan puji-pujian yang tidak terhingga kepada Allah SWT yang menjadikan kita semua dan sekalian alam. Juga selawat dan salam pada junjungan Nabi Muhammad SAW atas pengorbanan baginda menyebarkan Islam kepada seluruh umat manusia. Tidak lupa juga doa selamat pada seluruh muslimin dan muslimat sama ada yang masih hidup atau pun telah meninggal dunia.

Buku ini dibahagikan kepada sepuluh bab dan setiap bab mempunyai sepuluh tajuk. Jadi jumlahnya adalah seratus tajuk dan diharapkan seratus tajuk itu menjadi hikmah dan panduan kepada kita dalam mencari rezeki ini.

Dalam buku ini saya mulai dengan memberi definisi bekerja itu sendiri dan diteruskan dengan sejarah pekerjaan oleh nabi-nabi dan orang terdahulu. Seterusnya saya masukkan sepuluh motivasi bekerja daripada al-Qur'an dan Hadith. Seterusnya saya masukkan sepuluh perkara yang mesti dibuat semasa bekerja, sepuluh perkara yang jangan dibuat, sepuluh perkara yang hendaklah dibuat, sepuluh perkara yang eloklah dibuat, sepuluh perkara yang berhati-hatilah bila dibuat dan saya sudahi dengan sepuluh amalan

mudah rezeki; menjadikannya 100 tip kesemuanya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penulisan ini terutamanya pengarang kitab-kitab dan buku-buku yang saya rujuk. Tidak lupa juga, saya memohon maaf jika ada apa-apa kesalahan dalam tulisan ini dan diharap dapat diperbetulkan. Semoga Allah S.W.T. membalas jasa kalian sebanyak-banyaknya.

**Selamat membaca!**

Ikhlas daripada

**MAHMUD FATHI ABDUS SOMAD**

Madrasah Ta'limul Quran Wa Sunnah Bissanad, Malaysia



# Objektif Sebagai Muslim Profesional

1. Untuk menjadikan kerja sebagai tanggungjawab mencari nafkah.
2. Untuk meningkatkan kualiti modal insan.
3. Untuk menjadikan kerja sebagai suatu proses pendidikan.
4. Untuk menjadikan kerja sebagai proses keutuhan sosial.
5. Untuk menjadikan kerja sebagai proses pembinaan akhlak.
6. Untuk menjadikan kerja sebagai pengabdian diri kepada Allah S.W.T.
7. Untuk mencapai pekerjaan yang berbentuk Budaya Kerja Islami dan amanah.
8. Untuk mencapai proses bekerja yang tekun dan cekap.
9. Untuk mencapai semangat gotong-royong dan kerjasama dalam bekerja.
10. Untuk bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejagat.



# 1



# Definisi Budaya Kerja Islam

## 1

### Definisi 'Pekerjaan'

1. Dalam *Encyclopedia World Dictionary* terdapat 15 pengertian kepada perkataan 'work' atau kerja. Secara umumnya perkataan 'kerja' boleh diertikan sebagai makan gaji dan pemburuhan.
2. Perkataan 'kerja' boleh diertikan juga sebagai perbuatan atau sesuatu yang dilakukan. Pekerjaan itu juga diertikan sebagai satu perbuatan atau usaha untuk mencari rezeki.
3. *Kamus Dewan* pula mendefinisi 'kerja' sebagai usaha yang bertujuan untuk menghasilkan sesuatu perkara.
4. Aktiviti bekerja adalah dianggap suatu aktiviti normal di kalangan masyarakat dunia.
5. Abraham Maslow dalam kajiannya menyatakan bahawa manusia bekerja kerana keperluan biologi, keselamatan, rasa dipunyai, kebanggaan, pengembangan ilmu, senirasa, pencapaian diri dan untuk berbakti kepada orang ramai.
6. Sebagai seorang individu yang berfungsi dalam masyarakat yang bertamadun, sebab-sebab perlunya untuk bekerja adalah nyata sekali.
7. Pertamanya ialah keperluan kewangan untuk menampung diri dan keluarga adalah antara sebab yang utama kita perlu bekerja.
8. Selain daripada sebab kewangan, pekerjaan juga memberi kita kepuasan diri iaitu dapat membuktikan kepada diri sendiri, dan tidak perlu bergantung kepada kerajaan atau meminta sedekah daripada sesiapa pun.

9. Sesungguhnya pekerjaan merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia.
10. Melalui pekerjaanlah manusia mendapat rezeki untuk menyara dirinya, memberi nafkah kepada isteri, anak dan orang yang berada di bawah tanggungannya serta berbakti kepada masyarakat.

## 2

### Definisi Perkataan 'Rezeki'

1. Kita bekerja mencari rezeki. Apakah yang dimaksudkan dengan rezeki? Daripada segi bahasa, perkataan 'rezeki' berasal daripada bahasa Arab yang boleh membawa kepada lima pengertian.
2. Pertama ialah sesuatu yang boleh mendatangkan faedah seperti harta benda dan kelengkapan hidup.
3. Kedua ialah suatu pemberian yang faedahnya berterusan seperti kesihatan, keamanan dan nyawa kita sendiri.
4. Ketiga, ia ibarat air hujan kerana daripada air hujanlah benda hidup dapat meneruskan kehidupan ini.
5. Keempat ialah suatu yang menyenangkan seperti cuaca yang baik dan masyarakat yang aman.
6. Kelima ialah sesuatu yang mendatangkan kebaikan seperti makanan, pakaian dan sebagainya.
7. *Kamus Dewan* menyatakan rezeki sebagai bahan keperluan untuk hidup, pendapatan dan peluang untuk keuntungan.
8. Sebenarnya rezeki boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu kebendaan dan kerohanian.
9. Pengertian rezeki daripada aspek kebendaannya iaitu apa-apa imbuhan yang kita peroleh daripada hasil kita bekerja seperti gaji bulanan, bonus, upah dan sebagainya.
10. Rezeki pada hakikatnya adalah daripada Allah S.W.T. Allah berhak untuk memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah berhak untuk menarik rezeki daripada sesiapa yang Dia kehendaki. Firman Allah dalam surah Ali 'Imran ayat 26 yang bermaksud: *"Katakanlah Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan daripada orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan*

*orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan kepada orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu."*

1. Apakah matlamat kita bekerja? Mengapa seseorang Islam itu bekerja? Sebagai manusia biasa kita bekerja adalah untuk memenuhi keperluan hidup secara sederhana. Adalah menjadi tanggungjawab keagamaan untuk memenuhi keperluan hidup kita. Semua usaha yang dilakukan untuk mencari keperluan kehidupan adalah merupakan usaha ke arah jalan Allah.
2. Semua usaha yang dibuat dengan niat bagi mencapai matlamat ini adalah dianggap sebagai usaha kerana Allah jua. Dengan itu seseorang yang cukup makanannya, memakai pakaian yang bagus, dan menikmati berbagai-bagai kesenangan lain dengan niat yang baik disambut baik oleh Islam. Begitu juga barangan dan harta yang digunakan dan dimiliki dengan tujuan untuk mencapai matlamat hidup yang lebih sempurna dibolehkan oleh Islam, dan dengan itu ikhtiar untuk mendapatkannya dibenarkan juga oleh Islam.
3. Pekerjaan adalah salah satu daripada bidang yang mendapat tempat utama dalam Islam yang dianggap sebagai sebahagian daripada ibadat. Lebih lanjut lagi Islam telah menggubal perundangan yang terperinci dan menyeluruh berkaitan dengan pekerjaan yang dikenali dengan muamalat iaitu membicarakan bidang perniagaan, mudharabah, kontrak, syarikat dan sebagainya.
4. Islam selanjutnya menetapkan bahawa sebarang kerja dan usaha untuk mencari rezeki yang halal adalah fardu ain. Daripada kaca mata Islam, bekerja mencari rezeki yang halal dianggap sebagai suatu usaha untuk mencari keredhaan Allah. Firman Allah dalam surah ad-Dzariat ayat 56 yang bermaksud: *"Dan Aku tidak menciptakan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepada-Ku."*
5. Di dalam Firman ini, perkataan ibadat bukan hanya tertakluk kepada perbuatan-perbuatan menunaikan ibadat rukun Islam sahaja tetapi merangkumi segala kegiatan yang digalakkan oleh Islam ke atas seseorang manusia dalam kehidupannya di muka bumi ini. Bekerja adalah suatu aktiviti yang sangat digalakkan oleh Islam.
6. Bekerja bukan sahaja membolehkan seseorang Islam itu mendapat

## *Muslim Profesional*

ganjaran di dunia sahaja, tetapi jika pekerjaan itu dilakukan dengan niat untuk mendapatkan keredhaan Allah, ia juga mendapat ganjaran di Akhirat kelak, dan dalam masa yang sama kita dapat mengelakkan diri daripada meminta sedekah. Perbezaan antara pendekatan Islam dan pendekatan materialistik terhadap usaha bekerja telah pun dijelaskan dengan sebaik-baiknya oleh Sunnah Nabi Muhammad S.A.W. yang mana pada suatu ketika para sahabat Rasulullah melihat seorang lelaki yang asyik dengan kerjayanya. Kemudian mereka menyatakan bahawa usaha sedemikian sudah tentu akan menjadi usaha yang baik jika dilaksanakan 'mengikut jalan Allah'. Selepas itu Rasulullah bersabda bahawa seseorang itu janganlah mempunyai tanggapan yang sempit tentang usaha 'mengikut jalan Allah'. Baginda bersabda bahawa semua usaha yang tidak ditumpukan semata-mata untuk kesenangan duniawi atau untuk mendapatkan kuasa kedudukan, tetapi merupakan sebahagian daripada usaha manusia untuk hidup secara Islam, juga diiktiraf sebagai usaha 'mengikut jalan Allah'.

7. Aspek utama yang ditekan di sini ialah tentang perhatian Islam terhadap pendekatan usaha bekerja. Islam benar-benar mengutuk pendekatan materialistik yang memisahkan antara perkara dunia dan perkara Akhirat. Bekerja untuk kehidupan di dunia tidaklah sekali-kali dikutuk. Kekayaan material adalah bahagian yang penting dalam menjamin kebahagiaan hidup. Islam tidaklah menyetepikan kepentingan material dalam aktiviti kehidupan manusia. Islam benci akan keadaan kemelaratan hidup sedangkan manusia dikurniakan dengan akal dan tenaga. Perubahan daripada keadaan begini kepada keadaan kehidupan yang lebih baik sememangnya adalah sangat dituntut.
8. Undang-undang Islam menganggap bahawa adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk memelihara kehidupannya daripada bahaya-bahaya kelaparan, kehausan, kesejukan, kepanasan dan lain-lain. Undang-undang Islam menganggap nyawa manusia sebagai hak Allah dan dengan itu nyawa manusia hendaklah dijaga sebaik-baiknya sebagai hak-Nya. Oleh itu adalah menjadi tugas setiap individu untuk melaksanakan perintah Allah. Kita dikehendaki menjaga agama kita, sama ada daripada segi kepercayaan dan amalan, kita dikehendaki menjaga diri kita dengan berusaha mendapatkan keperluan asas bagi kita agar dapat meneruskan kehidupan di dunia ini.
9. Pada zaman Rasulullah S.A.W., baginda diberitakan telah menasihati para pengikutnya agar berniaga, bertani, berternak dan melakukan

kerja produktif yang lain. Aktiviti ekonomi yang dilaksanakan mengikut standard moral masyarakat dan matlamat yang sempurna benar-benar disanjung tinggi oleh Islam dan perbuatan sedemikian dianggap sama mulia sebagaimana dengan orang-orang yang mengerjakan sembahyang.

10. Islam adalah agama bekerja, yakni beramal. Bekerja itu adalah kehidupan. Seseorang Muslim perlulah memenuhi masanya dengan bekerja, tidak dengan hal yang sia-sia. Bagi setiap kerja baik yang kita lakukan, ia dianggap sebagai ibadah dan menjadikan kita sebagai Muslim yang beruntung. Ini bermakna semakin rajin kita bekerja, semakin banyaklah kita membuat ibadah.

## 4 Definisi Konsep Bekerja Yang Profesional

1. *Kamus Dewan* menakrifkan kata profesionalisme sebagai sifat-sifat kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilakukan oleh seorang profesional.
2. Tidak kira apa jawatan kita dalam sesuatu syarikat itu, kita mestilah bekerja dengan penuh profesional. Pengurus mesti profesional, jurutera mesti profesional, tukang masak mesti professional dan sebagainya.
3. Islam adalah *syumul*, yakni mencakupi pada seluruh aspek kehidupan, bukan hanya pada sembahyang, puasa dan haji sahaja.
4. Jika masa yang dihabiskan untuk bekerja itu digunakan di luar landasan Islam, maka kita telah merugikan banyak masa daripada hidup kita.
5. Allah yang Maha Pemurah dan Penyayang telah melimpahkan pada kita bahawa dengan bekerja untuk kehidupan di dunia juga boleh dikira sebagai ibadah kepada-Nya jika ia dilakukan dengan memenuhi syarat-syarat tertentu.
6. Pertama, orang yang mencari rezeki perlu memusatkan kerja yang dilakukan semata-mata kerana Allah kerana setiap kerja yang dilakukan kerana Allah, Allah menjamin baginya rezeki di langit dan di bumi.
7. Kedua, orang yang mencari rezeki perlu bersikap jujur kerana sikap tersebut akan dipermudahkan oleh Allah baginya untuk mendapatkan rezeki.

8. Ketiga, dalam mencari rezeki manusia tidak boleh melampau batas dengan tidak mengingati Allah (lantas mengambil rezeki yang ditegah oleh-Nya) kerana Allah jualah yang memberikan kepada manusia segala rezeki yang diperolehnya.
9. Amin Muhammad Jamaluddin dalam bukunya *Pembuktian Bahawa Semua Tanda-tanda Kecil Kiamat Sudah Terjadi* ada menukilkan hadith riwayat Bukhari yang bermaksud: "Telah datang seorang lelaki Arab Badawi kepada Rasulullah S.A. W. dan berkata: "Bagaimanakah Kiamat akan terjadi? Rasulullah S.A.W. menjawab: Apabila amanah telah disia-siakan maka tunggulah Kiamat. Dia bertanya lagi: Bagaimana pensia-siaan amanah itu? Baginda S.A.W. menjawab: Apabila suatu urusan (umum) diserahkan kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah Kiamat." Oleh itu amat penting orang Islam untuk menjadi profesional dalam bidang masing-masing.
10. Firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 43 yang bererti, "Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui." Oleh itu umat Islam mesti merujuk kepada para profesional dalam bidangnya untuk mengetahui sesuatu.

## 5

### Definisi Konsep Etika Kerja

1. *Kamus Dewan* menakrifkan etika sebagai prinsip moral atau akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan.
2. Kebiasaannya sesebuah syarikat itu mempunyai etika kerjanya yang tersendiri yang diharapkan semua pekerjanya boleh mematuhi.
3. Pada peringkat antarabangsa, ada enam etika kerja yang diterima pakai oleh semua orang tanpa mengira agama, bangsa dan negara iaitu dalam bahasa Inggerisnya ialah *honesty, integrity, respect, trust, responsibility* dan *citizenship*.
4. Bekerja mencari rezeki adalah sebahagian daripada kehidupan seseorang manusia itu.
5. Boleh dikatakan, separuh daripada hidup seseorang itu dihabiskan untuk berusaha dan berkecimpung dalam mencari rezeki.
6. Bagi seseorang yang bekerja di pejabat kerajaan atau swasta, sekurang-kurangnya masa yang dihabiskan di pejabat ialah lapan jam sehari. Ini tidak termasuk lagi masa yang dihabiskan untuk bersiap pergi kerja dan masa dalam perjalanan pergi dan balik.

7. Oleh itu adalah tersangat penting bagi kita, sebagai seorang Islam untuk menjaga dan mengawasi hidup yang separuh ini pada jalan yang diredhai Allah.
8. Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi menyatakan dalam bukunya *Halal dan Haram Dalam Islam* bahawa setiap Muslim tidak halal bermalas-malas bekerja mencari rezeki dengan dalih kerana sibuk beribadah atau tawakkal kepada Allah sebab langit tidak akan mencurahkan hujan emas dan perak.
9. Sabda Nabi S.A.W. dalam riwayat al-Tirmizi yang bermaksud: "*Sedekah tidak halal buat orang kaya dan orang yang masih mempunyai kekuatan dengan sempurna.*" Oleh itu tidak halal juga seorang Muslim hanya menggantungkan dirinya kepada sedekah orang, padahal dia masih mampu berusaha dengan bekerja.
10. Setiap Muslim dibolehkan bekerja dalam bidang yang diminatinya asalkan pekerjaan itu tidak dilakukan dengan jalan haram, atau membantu perbuatan haram atau bersekutu dengan haram.

## 6

### Definisi Konsep Berkat

1. Berkat maknanya ada rahmat Allah dalam sesuatu perkara tersebut. Walaupun sedikit tetapi ia mencukupi dan memadai. Ia adalah tambahan kurnia Allah dalam bentuk yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.
2. Syeikh Muhammad Mitwally Sya'rawy dalam buku *Rezeki Dalam Islam* menyatakan bahawa: "*Sesungguhnya rezeki itu pada dasarnya tidak tunduk kepada sebab-sebab yang dibuat oleh manusia untuk mendatangkan rezeki tersebut, kerana rezeki itu hanya tunduk kepada kehendak Allah S. W. T sahaja.*"
3. Beliau menambah bahawa faktor yang menambah rezeki dan berkatnya adalah memberikan hak fakir miskin di dalam harta yang kita miliki sedangkan memakan riba boleh memusnahkan harta kita. Walaupun sedekah pada zahirnya mengurangkan harta dan riba menambahkan harta, tetapi Allah S.W.T. akan memusnahkan apa yang diambil daripada riba dan akan menyuburkan yang berbentuk sedekah.
4. Oleh itu sebenarnya rezeki manusia ini sudah ditetapkan oleh Allah sejak azali lagi cuma ada yang berkat dan ada yang tidak.
5. Berusahalah mencari keberkatan dalam bekerja dan bukan mencari

kelebihan yang tiada berkat.

6. Biar sedikit asalkan berkat. Tiada guna walau banyak tetapi tiada berkat.
7. Insyaa-Allah, dengan berkatlah hidup kita akan menjadi aman, damai dan sejahtera dunia dan Akhirat.
8. Sesungguhnya Allah lah pemberi rezeki dan salah satu daripada nama-Nya ialah al-Razak yang bererti Zat Yang Maha Memberi Rezeki. Dengan demikian hendaklah hanya mengharap rezeki daripada-Nya sahaja.
9. Seterusnya lagi adalah 'al-Wahab' iaitu nama Allah S.W.T. yang bermaksud 'Zat Yang Maha Pemberi' Allahlah yang memberi kurnia kepada sekalian makhluk-Nya tanpa mengharap sedikitpun imbalan, balasan atau kepentingan.
10. Satu lagi nama Allah yang elok dizikirkan ialah 'al-Lathif' yang bermaksud 'Zat Yang Maha Halus (Maha Lembut)'. Menurut Abu Mazaya al-Hafiz dalam bukunya *Senjata Mukmin* bahawa sesiapa yang membacanya sebanyak 129 kali atau 130 kali insyaa-Allah usaha dan perniagaannya akan lebih maju, berjaya dan berkat.

## 7

### Definisi Konsep Hidup Dalam Islam

1. Maksud hidup bagi seorang Islam ialah untuk mengabdikan kepada Allah, tidak kepada manusia, tidak kepada material atau sesuatu selain Allah.
2. Guna hidup ialah untuk menggunakan akal yang dituntut oleh wahyu dalam memuaskan keperluan jasmani dan rohani.
3. Erti hidup ialah menerima kenyataan dunia, menikmati apa yang dapat diberikannya, namun tidak boleh berlebih-lebihan kerana demikian itu akan merosakan kehidupan itu sendiri.
4. Tujuan hidup adalah Akhirat, di mana setiap amal perbuatan yang dilakukan di dunia ini akan diminta pertanggungjawaban.
5. Salah satu perkara yang perlu dipenuhi oleh manusia di atas muka bumi ini untuk meneruskan kehidupan mereka ialah mendapatkan rezeki. Rezeki ialah suatu yang dapat diambil manfaatnya oleh setiap makhluk yang hidup seperti makanan, minuman dan lain-lain. Allah S.W.T. menjadikan dunia ini yang terdiri daripada langit, bumi, bukit, gunung, sungai, paya, laut dan semua kehidupan di dalamnya sebagai

punca rezeki kepada hamba-Nya.

6. Manusia perlu berusaha untuk mendapat rezeki itu dengan kebijaksanaan melalui akal yang diberikan kepada mereka.
7. Allah menjelaskan bahawa di atas muka bumi ini terdapatnya rezeki daripada-Nya untuk hamba-Nya. Oleh itu manusia perlu berusaha untuk mendapatkan rezeki itu.
8. Ada orang yang mudah untuk mendapatkannya dan ada orang yang susah untuk mendapatkannya.
9. Sesungguhnya mereka yang mudah untuk mendapat rezeki adalah kerana manusia yang menghambakan dirinya kepada Allah dalam segenap kehidupannya dengan seikhlas-ikhlas pengabdian.
10. Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud: "Allah S.W.T. berfirman kepada Malaikat yang diserahkan dengan urusan rezeki Bani Adam: Hamba mana pun yang kamu dapati yang cita-citanya hanya satu (iaitu semata-mata untuk Akhirat), jaminlah rezekinya di langit dan bumi. Dan hamba yang dapat mencari rezekinya dengan jujur kerana berhati-hati mencari keadilan, berilah dia rezeki yang baik dan mudahkan baginya. Dan jika ia melampaui batas kepada selain itu, biarkanlah dia sendiri mengusahakan apa yang dikehendakinya. Kemudian dia tidak akan mencapai lebih daripada apa yang telah Aku tetapkan untuknya."

## 8

### Definisi Konsep Harta Dalam Islam

1. Harta daripada segi bahasanya bermakna barang atau benda yang dimiliki oleh seseorang.
2. Pada hakikatnya, harta yang tidak dapat kita manfaatkan bukanlah rezeki kita dan harta yang kita simpan bukanlah rezeki kita.
3. Harta itu ada yang halal dan ada yang haram. Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram dan apa sahaja yang membawa kepada yang haram adalah haram.
4. Sabda Nabi daripada riwayat Bukhari, Muslim dan Tarmizi yang bermaksud; "*Yang halal sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, di antara keduanya keduanya itu ada yang kurang jelas, banyak orang tidak tahu apakah dia itu masuk yang halal atau yang haram? Maka barangsiapa yang menjauhinya kerana hendak membersihkan agama dan kehormatannya maka dia akan selamat.*"

5. Maulana Muhammad Zakaria menulis dalam buku *Fadhilat Sedekah* bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda bahawa Allah S.W.T. tidak melihat kepada rupamu ataupun hartamu bahkan Dia melihat kepada amalan-amalanmu dan hati-hatimu. Jadi harta ini bukan segalanya dalam Islam tetapi amalanlah yang menentukan kebaikan seseorang itu.
6. Sebenarnya harta adalah untuk dibelanjakan. Jadi simpanlah yang keperluan sendiri dan belanjakan apa yang lebih daripada itu sebagaimana Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 219 yang bererti: *"Manusia bertanya kepadamu berapa banyak harta hendak dibelanjakan. Katakanlah bahawa apa yang lebih daripada keperluan."*
7. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 245 yang bermaksud: *"Siapakah yang mahu memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik yakni menafkahkan hartanya di jalan Allah, maka Allah akan melipat gandakan pembayaran kepadanya dengan lipat-ganda yang banyak. Dan janganlah kamu takut kemiskinan semasa kamu membelanjakan sebab Allah menyempitkan dan melapangkan rezeki dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan."*
8. Perbelanjaan di jalan Allah telah diumpamakan dengan pemberian hutang kepada Allah dan Allah akan membayarnya kembali.
9. Agama Islam berkali-kali menasihati manusia agar berusaha untuk mendapatkan keperluan hidupnya dan juga bekerja keras bagi mengeluarkan atau menghasilkan barangan dan berjual beli barangan yang berfaedah.
10. Di dalam al-Qur'an banyak menekankan bahawa semua isi alam telah dicipta oleh Allah untuk dinikmati oleh manusia agar manusia dapat hidup dalam keadaan yang sesuai dan munasabah. Galakan yang dianjurkan oleh Islam agar manusia berusaha bagi menghasilkan dan mendapatkan keperluan hidupnya memang tidak dapat disangkal.

## 9

### Definisi Konsep Takdir Dalam Islam

1. Konsep takdir hendaklah difahami betul-betul oleh umat Islam untuk berjaya dalam berusaha dan bekerja ini. Hendaklah di fahami konsep takdir ini agar kita rela menerima apa yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T.

2. Kasmuri Selamat dalam bukunya *Rahmat Di Sebalik Dugaan* menyatakan bahawa takdir itu terbahagi kepada dua iaitu *takdir mubram* dan *takdir mu'allaq*.
3. *Takdir Mubram* bermaksud qadha dan qadar yang tidak dapat untuk dielakkan yang ianya pasti terjadi pada diri manusia sedangkan manusia tidak mempunyai kesempatan atau tidak ada ikhtiar untuk memilihnya seperti ketentuan jenis kelamin lelaki atau perempuan, terjadinya Kiamat, bila seseorang itu akan meninggal dunia dan lain-lainnya.
4. Manakala *Takdir Mu'allaq* dimaksudkan dengan qadha dan qadar yang bergantung kepada ikhtiar seseorang atau usaha menurut kemampuan yang ada pada manusia.
5. Umat Islam mesti berikhtiar atau berusaha mengikut kemampuan untuk merubah keadaan menjadi lebih baik tetapi usaha tersebut adalah bergantung kepada Allah secara mutlak untuk menentukannya.
6. Oleh kerana manusia telah dilengkapi dengan alat berupa akal fikiran untuk mempertimbangkan perkara-perkara yang bermanfaat bagi dirinya serta diberi kemahuan untuk melaksanakan pilihannya itu serta diberi anugerah dan telah diberi jalan yang benar melalui Rasulullah, maka dengan sendirinya, manusia harus dipertanggungjawabkan segala perbuatannya.
7. Berusaha wajib dilakukan oleh manusia dan jangan berserah pada nasib sahaja. Ungkapan ini tidak bererti manusia dapat menolak nasib atau takdir, tetapi harus berusaha merubah nasibnya, jika masih berada dalam nasib yang belum sesuai dengan harapannya.
8. Berusaha gigihlah untuk menghasilkan kerja yang memuaskan pihak-pihak yang berharap kepada kita dengan memperbaiki hasil kerja sehingga mencapai tahap cemerlang.
9. Di samping itu hendaklah kita bersifat tekun iaitu bersungguh-sungguh dan teliti dalam melaksanakan sesuatu tugas. Pekerja yang tekun adalah komited pada tugasnya dan berupaya memberi sepenuh penumpuan dalam menyempurnakan tugas tersebut. Mereka sabar dalam menghadapi segala kesulitan dan sentiasa tabah menyelesaikan sesuatu masalah. Dengan itu mereka bukan sahaja produktif tetapi dapat menghasilkan *output* yang berkualiti dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Pekerja seperti ini akan mengutamakan tugasnya daripada kepentingan diri serta sanggup berkorban masa dan tenaga untuk kepentingan organisasi, perkhidmatan dan negara.

10. Manakala pekerja yang tidak tekun dalam melaksanakan tugas yang diberi mudah merasa bosan dan mengambil sikap sambil lewa. Mereka tidak sanggup bekerja lebih masa dan tidak berminat untuk berusaha meningkatkan kebolehan atau memperbaiki kualiti hasil kerja.

## 10

### Definisi Konsep Kualiti Dalam Bekerja

1. Dalam melakukan sesuatu kerja umat Islam mesti melakukannya dengan penuh berkualiti.
2. Apakah maksud kualiti? Kualiti boleh diertikan sebagai melakukan sesuatu perkara itu seperti yang telah dijanjikan dan penuh ikhlas.
3. Untuk menentukan sesuatu produk atau perkhidmatan itu berkualiti, ia hendaklah mematuhi sesuatu standard. Standard ini akan melambangkan kualiti sesuatu produk atau perkhidmatan itu. Standard biasanya mempunyai logo atau tanda supaya orang ramai boleh mengenalinya, cuma pastikan bahawa tanda itu adalah tulen.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan mematuhi standard? Standard ialah suatu bentuk piawaian atau garis panduan yang perlu dipatuhi. Manakala kualiti ialah ketepatan sesuatu produk itu dalam memenuhi standard yang telah diberikan. Seterusnya logo akan dikeluarkan untuk menandakan produk telah memenuhi kualiti berdasarkan standard tersebut.
5. Di peringkat antarabangsa contohnya, pada sistem pengurusan sesebuah syarikat yang mengeluarkan barang-barang atau pun menjalankan perkhidmatan, Standard ISO 9001 telah dijadikan ukuran kepada kualiti syarikat tersebut. Jika syarikat tersebut telah diiktiraf dengan sijil ISO 9000, bolehlah dikatakan bahawa syarikat tersebut telah mengeluarkan barang-barang atau perkhidmatan yang berkualiti.
6. Di Malaysia, pada produk-produk atau peralatan khas terutamanya barang elektrik, sijil-sijil SIRIM (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia) akan dikeluarkan jika produk tersebut telah diujikaji dan diluluskan selamat untuk digunakan oleh orang awam. Satu logo khas berserta dengan nombor siri akan dikeluarkan oleh pihak SIRIM. Logo tersebut bolehlah dipamerkan pada produk tersebut untuk tujuan perniagaan.
7. Bagi orang Islam, tanda HALAL boleh dianggap sebagai logo yang penting untuk diperhatikan sebelum membeli bahan untuk dimakan.

Tanda HALAL ini diberikan oleh pihak JAKIM (Jabatan Agama Kebajikan Islam Malaysia) kepada pengeluar bahan kegunaan orang Islam setelah diperiksa bahan tersebut adalah halal pada orang Islam.

8. Dengan adanya tanda-tanda kualiti tersebut, pelanggan akan merasa aman bahawa produk yang dibeli itu boleh dipercayai kerana mutunya telah dijamin oleh pihak yang bertanggungjawab. Pelanggan akan merasa puas bahawa produk yang di beli itu adalah berbaloi dengan harga yang dibayar dan yang terlebih pentingnya barang tersebut adalah memenuhi standard tertentu.
9. Suatu perkara lagi adalah sangat penting untuk dipastikan bahawa semua logo kualiti itu adalah yang tulen. Ramai pengeluar produk telah memalsukan logo tersebut demi untuk mengaut keuntungan besar.
10. Bagaimana pengguna boleh memastikan tanda itu tulen? Salah satu caranya ialah dengan melihat pada nombor siri logo tersebut. Jika rasa ragu-ragu, hubungilah pihak yang berwajib yang mengeluarkan tanda itu. Biasanya logo-logo tersebut mempunyai ciri khas yang agak susah untuk dipalsukan.



# 2



## Sejarah Pekerjaan Dalam Islam

### 1 Tauladan Daripada Malaikat Dalam Bekerja


1. Jibril mempunyai tugas sebagai ketua seluruh malaikat dan tugas khusus yakni menerima wahyu daripada Allah S.W.T. kepada para nabi.
2. Mikail yang bertugas sebagai pembahagi rezeki kepada seluruh makhluk seperti makanan, minuman, hujan, dan lain-lain.
3. Izrail bertugas sebagai pencabut roh atau nyawa seluruh makhluk.
4. Israfil bertugas sebagai peniup sangkakala bila tiba masanya.
5. Rakib bertugas sebagai pencatat amal kebaikan setiap manusia di muka bumi.
6. Atid bertugas sebagai pencatat setiap amalan kejahatan yang dilakukan oleh setiap manusia.
7. Munkar bertugas sebagai memberi pertanyaan-pertanyaan kepada orang yang telah mati di dalam kubur.
8. Nakir bertugas sebagai memberi pertanyaan-pertanyaan kepada orang dalam kubur setelah mati.
9. Ridhwan bertugas sebagai pintu syurga.
10. Malik bertugas sebagai penjaga pintu neraka.

1. Sebenarnya, para nabi-nabi sendiri telah menunjukkan tauladan sebagai pekerja di samping tugas utama mereka sebagai utusan Allah.
2. Kita boleh lihat dalam sejarahnya bagaimana Nabi Adam a.s. pernah bekerja sebagai petani. Baginda mempunyai anak yang bernama Habil yang banyak binatang ternak dan Qabil yang menjadi ahli pertanian. Mereka telah diminta berkorban kepada Allah. Pada akhirnya kita telah lihat bagaimana berlakunya kisah pembunuhan manusia yang pertama di dunia ini.
3. Nabi Yusof a.s. pernah bekerja sebagai menteri kewangan kerana raja telah percaya dan yakin kepadanya setelah melihat kebijaksanaannya mencadangkan cara mengatasi kesulitan ekonomi di negara Mesir.
4. Nabi Daud a.s. pernah bekerja sebagai tukang besi di mana baginda telah menggunakan kelebihan yang Allah berikan kepadanya di mana besi boleh menjadi lembut dengan tasbihnya yang merdu.
5. Nabi Sulaiman a.s. adalah termasyhur sebagai seorang rasul yang bekerja sebagai raja besar yang boleh mengawal seluruh manusia, jin, binatang dan angin.
6. Nabi Musa a.s. pernah bekerja sebagai penggembala kambing yang dapat kita dapati kisahnya semasa baginda telah menolong anak Nabi Syu'aib. Selepas bekerja bertahun-tahun, Nabi Syu'aib telah mengahwinkan Nabi Musa dengan anaknya.
7. Nabi Zakaria a.s. pernah bekerja sebagai tukang kayu dan baginda pun telah terbunuh dalam sebatang kayu.
8. Nabi Idris a.s. pernah bekerja sebagai tukang jahit di mana baginda pernah menusuk jarum ke dalam mata Iblis.
9. Nabi Isa a.s. boleh dikatakan pernah berkhidmat sebagai seorang doktor yang dengan mukjizat yang diberikan Allah kepadanya, baginda boleh menyembuhkan penyakit sopak dan buta dengan izin Allah.
10. Nabi Muhammad S.A.W. sendiri pernah bekerja sebagai penggembala kambing dan peniaga yang berjaya.

1. Begitu juga kita boleh melihat dalam sejarah bahawa para sahabat Nabi Muhammad S.A.W. juga adalah terlibat dalam pekerjaan walaupun mereka terlalu sibuk dalam berdakwah dan berjuang menyebarkan Islam keseluruh dunia. Sebagai contohnya, kita boleh lihat Abu Bakar r.a. adalah ahli politik dan ahli perniagaan yang berjaya.
2. Umar al-Khattab r.a. merupakan seorang yang berani, tahan uji, tegas dan dedikasi. Beliau sangat cekap dalam pemerintahan dan berjaya dalam banyak membuka wilayah-wilayah Islam yang baru.
3. Uthman bin Affan r.a. adalah juga ahli perniagaan dan memperoleh keuntungan yang banyak. Beliau telah membantu umat Islam yang kehausan dengan membeli sebuah telaga kepunyaan orang Yahudi dengan harga 30,000 dirham.
4. Ali bin Abi Talib r.a pernah bekerja sebagai penyiram pokok tamar. Beliau adalah seorang yang berani, berilmu dan penuh sopan santun dalam pemerintahannya sebagai khalifah Islam yang keempat.
5. Zubair al-Awam r.a pernah bekerja sebagai tukang jahit. Beliau adalah seorang yang berani dan tahan menghadapi ujian.
6. Bilal bin Rabah r.a pernah bekerja sebagai buruh. Beliau juga adalah muazzin di masjid Madinah.
7. Khubaib bin al-Arth r.a pernah bekerja sebagai tukang besi dan beliau pernah disiksa dengan dahsyat semasa permulaan Islam tetapi teguh menghadapi cubaan.
8. Abdullah bin Mas'ud r.a pernah bekerja sebagai pengembala kambing. Beliau adalah pembaca al-Qur'an yang mahir dan faqih dalam agama.
9. Sa'ad bin Abi Waqas r.a pernah bekerja sebagai tukang jahit.
10. Abdul Rahman bin Auf r.a adalah seorang saudagar yang kaya raya tetapi tidak kedekut malah hartanya berkat hasil daripada kejujurannya dalam berniaga.

1. Begitu juga ulama-ulama besar dalam sejarah Islam juga merupakan mereka yang rajin bekerja. Contohnya, Imam Ahmad bin Hambal r.a.

**MAHMUD FATHI BIN ABDUL SAMAT** merupakan seorang penceramah bebas yang mempunyai tauliah jabatan agama. Beliau memulakan pendidikan awalnya di Madrasah Ittihadiyah, Salor, Kelantan dan Maktab Rendah Sains MARA, Pengkalan Chepa, Kelantan. Beliau seterusnya melanjutkan pelajar di University of Nebraska, Lincoln United State Of America - Associate of Art Degree, Madrasah Ta'limul Quraan, Karachi Pakistan - Tahfizul Quraan dan di Universiti Kebangsaan Malaysia - Post-Graduate Diploma in Islamic Studies. Beliau adalah Quality Assurance Manager, ISO Consultant, Penceramah, Pengajar al-Qur'an dan Pengamal Perubatan Islam.



**BUKU MUSLIM PROFESIONAL** merupakan tulisan pertama beliau. Buku ini memaparkan tip-tip untuk menjadi seorang pekerja yang cemerlang berdasarkan pandangan Islam. Persembahan beliau amat menarik dan mudah difahami. Buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat, khususnya kakitangan kerajaan dan swasta untuk memastikan pekerjaan yang dilakukan benar-benar menepati kehendak Islam.